

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	03 MAY 2017

PM imbas kejayaan sepanjang April

um- 3/5/2017

KUALA LUMPUR 2 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, banyak kejayaan telah direkodkan demi negara di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, sepanjang bulan lalu.

Menerusi rakaman video kompilasi kisah-kisah kejayaan itu, Perdana Menteri mengimbas semula lawatan rasmi beliau ke India pada awal bulan lalu yang disifatkan amat berhasil apabila sebanyak 31 memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara kedua-dua negara dengan nilai pelaburan dianggarkan AS\$36 bilion (RM158.4 bilion).

Beliau turut berkongsi pendapat yang dizahirkan pelajar-pelajar Malaysia di negara tersebut yang berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana mempromosikan semangat 1Malaysia sekali gus mampu menjadi model kepada seluruh anak muda negara.

Selain itu, video yang dimuat naik menerusi Facebook beliau turut memaparkan inisiatif Perdana Menteri di dalam negara iaitu mengadakan tinjauan ke tapak projek Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sendayan yang dijangka siap pada Disember ini dengan kelengkapan yang lebih moden serta praktikal termasuk

perumahan baharu sekali gus bakal menjadi pusat latihan terbesar dengan keluasan keseluruhan 303.5 hektar.

Bagi kesejahteraan hidup rakyat, Perdana Menteri turut menyempurnakan majlis penyerahan kunci Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (Rumahwip), Residensi Pandanmas kepada 700 pemilik unit kediaman dengan keluasan 850 dan 900 kaki persegi yang akan dijual dengan harga RM280,000 ke RM300,000 seunit.

Pusat Rehabilitasi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Ayer Keroh, Melaka yang dinamakan Pusat Rehabilitasi Perkeso Tun Abdul Razak (PRPTAR) turut dilancarkan Perdana Menteri melibatkan kos RM280 juta berkonsepkan perkhidmatan di bawah satu bumbung untuk memberi harapan kepada individu yang mengalami kecederaan untuk kembali bertugas.

Dalam sektor pendidikan, Perdana Menteri mengagihkan peruntukan kira-kira RM80 juta kepada lebih 800 sekolah pondok berdaftar, Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan institusi tahfiz berdaftar di seluruh negara.

Walaupun sibuk dengan tugas harian, Perdana Menteri turut berkesempatan menziarahi

pesakit kronik, Zainudin Sulong di Gancong, Pekan dan bekas Ketua UMNO Bahagian Indera Mahkota, Datuk Faisal Abdullah.

Daripada sudut memperkaskan ekonomi bumiputera pula, Perdana Menteri melancarkan hala tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 yang bertujuan mentransformasikan kesejahteraan bumiputera bersifat lebih menyeluruh, inklusif dan holistik.

Perdana Menteri turut menghadiri acara rasmi seperti majlis solat hajat, bacaan Yasin dan doa selamat sempena pertabalan Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V serta meraikan Putera Mahkota Jepun, Putera Naruhito yang mengadakan kunjungan rasmi ke negara ini.

Sebagai Perdana Menteri berjiwa rakyat, sebanyak 500 unit projek perumahan rakyat turut 'dihadiahkan' sempena lawatan beliau ke Terengganu selain menghadiri majlis pecah tanah Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut.

"Saya nak supaya negara kita membangun dengan lonjakan berganda. Tidak ada sesiapa yang akan ketinggalan dalam arus transformasi negara di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN)," kata Perdana Menteri.